

CUEPACS hargai keprihatinan kerajaan

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR

19 Okt. —
CUEPACS berpuas hati dengan Belanjawan 2002 kerana Perdana Menteri bukan setakat mengumumkan pemberian bonus tetapi menaikkan gaji 10 peratus kepada hampir sejuta kakitangan awam.

Presidennya, Datuk Siva Subramaniam berkata, pemberian bonus setengah bulan gaji atau kadar minimum RM1,000

yang diumumkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dapat membantu golongan berpendapatan rendah menyediakan keperluan persekolahan dan menyambut perayaan tidak lama lagi.

Menurut beliau, pemberian bonus itu amat besar nilainya kepada golongan terbabit kerana rata-rata mereka menerima gaji pokok di bawah RM1,000 dan selepas potongan tertentu jumlah yang diterima semakin kecil.

"Kita amat menghargai sikap prihatin kerajaan ini dan jelas dasar CUEPACS yang mengamalkan perundingan dengan kerajaan dan tidak berkonfrontasi dengan kerajaan terbukti berjaya," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kandungan Belanjawan 2002 yang dibentangkan hari ini.

Siva berkata, meskipun permohonan CUEPACS supaya kerajaan memberi bonus dua bulan gaji tidak dipenuhi, pihaknya tetap berpuas hati kerana pemberian bonus kali ini disertai dengan kenaikan gaji.

"Kita tahu kakitangan awam menikmati kenaikan gaji 10 peratus pada 2000 dan 10 peratus lagi pada tahun depan.

"Ini bermakna kakitangan awam menerima kenaikan gaji sebanyak 20 peratus dalam tempoh hanya 24 bulan," katanya.

Justeru katanya, ekoran kenaikan gaji itu, kakitangan awam yang akan bersara akan menerima ganjaran dan imbuhan dalam bentuk pencen dan sebagainya pada kadar yang lebih tinggi.